

UNTUK SIARAN SEGERA

Panasonic melancarkan kamera Lumix GF7 baru yang mempunyai Monitor Flip-up dengan pelbagai fungsi untuk mengambil gambar selfie

Rangkaian Lumix GF yang baru bertujuan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan pengalaman fotografi pengguna

Petaling Jaya, 23 April 2015 – Panasonic Malaysia dengan bangganya memperkenalkan kamera baru digital single lens mirrorless (DSLM) DMC-GF7 dari siri GF dalam rangkaian LUMIX G, model yang kompak dan bergaya. Kamera DMC-GF7 mempunyai tahap keupayaan tinggi untuk mengambil gambar selfie – salah satu trend paling popular di dunia – dengan monitor yang boleh berputar 180 darjah dan pelbagai fungsi kreatif yang lain.

GF7 membolehkan pengguna merakam imej berkualiti tinggi yang seakan-akan imej sebenar kerana mempunyai resolusi tinggi, proses rendering yang baik serta penghasilan semula warna. Apabila berada dalam mod 'Self Shot', pelbagai fungsi untuk pengambilan gambar selfie – Face Shutter, Buddy Shutter dan mod kecantikan – adalah antara fungsi baru dalam DMC-GF7. Dengan kesemua fungsi berikut, ia membolehkan stail pengambilan gambar selfie yang baru – bebas tangan (hands-free) selfie.

“Dengan trend masa kini untuk mengambil gambar *selfie* atau *wefie*, GF7 baru ini dapat memenuhi keperluan dengan monitor flip-up yang boleh berputar 180 darjah serta pelbagai fungsi kreatif yang lain,” kata Cheng Chee Chung, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

“Kamera sepatutnya mudah dikendalikan bagi mengambil foto pemandangan yang indah dan kenangan semasa kita menjalankan aktiviti harian dan kita seharusnya dapat berkongsi pengalaman dan kenangan ini dengan cepat berdasarkan sambungan Wi-Fi melalui telefon pintar atau tablet,” kata Cheng.

Tahap kemasukkan kamera tanpa cermin ini sesuai untuk individu yang gemar mengambil gambar selfie dan gaya hidup seperti makanan, teman melancong dan keluarga. Boleh didapati di stor bermula dari April 2015 dan GF menawarkan hadiah percuma yang menarik untuk keselesaan dan kemudahan pengguna.

Sila rujuk kepada siaran akhbar untuk maklumat lanjut mengenai GF7.

Jom datang melawat kami di pameran kamera Panasonic di Orange Concourse, Tingkat Bawah Aras 2, Pusat Membeli-belah Sunway Pyramid, dari 22 hingga 26 April 2015, untuk melihat dan mengenali pelbagai rangkaian kamera Panasonic dari siri G, Kompak dan Perakam Video.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berkenaan jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, sila muat turun acara dan dokumen cetakan media serta gambar-gambar di www.pmpressroom.com

Media Contact: Mazlee Mokhtar

Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat & Penjenamaan

Jabatan Inovasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722

Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com